

Suami isteri kes seleleweng zakat RM9.62 juta ditahan

Polis siasat syarikat dilantik ejen kutipan bagi MAIPk

Oleh Muhammad Zulsyamini
Sufian Suri
bhnews@bh.com.my

poh: Polis Perak mengesahkan penahanan sepasang suami isteri berhubung siasatan ke atas sebuah syarikat yang dilantik sebagai ejen kutipan zakat Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Perak (MAIPk) selepas disyaki menyeleweng kutipan zakat sebanyak RM9.62 juta.

Ketua Polis Perak, Datuk Seri Mohd Yusri Hassan Basri, berkata suspek lelaki berrusia 50 tahun manakala isterinya, 53 tahun.

Katanya, kedua-dua mereka ditahan di Kuala Lumpur, jam 12.35 tengah hari semalam.

"Mereka ditahan adalah ejen kutipan zakat bukan kakitangan

mana-mana pusat zakat," katanya ringkas ketika dihubungi, semalam.

Kelmarin, Pengarah Jabatan Siasatan Jenayah Komersial (JSJK) Bukit Aman, Datuk Seri Ramli Mohamed Yoosuf dilapor berkata polis menyiasat sebuah syarikat dilantik sebagai ejen kutipan zakat oleh MAIPk selepas disyaki menyeleweng kutipan zakat sebanyak RM9.62 juta.

Gagal deposit kutipan

Siasatan dijalankan selepas syarikat terbabit dipercayai gagal mendepositkan wang zakat bermula Mac hingga September 2023 yang mana kes itu antara empat kes jenayah pecah amanah berkait kutipan zakat sepanjang tahun lalu dengan jumlah keseluruhan kerugian berjumlah RM9.71 juta.

Kes berkenaan disiasat mengikut Seksyen 409 Kanun Keseksaan dan dijangka terdapat individu akan dipanggil dalam masa terdekat.

Sementara itu, difahamkan MAIPk tidak boleh memberi sebarang kenyataan buat masa ini memandangkan perkara itu masih dalam siasatan dan tindakan pihak polis.



Mohd Yusri



Polis sedang menyiasat ejen yang dilantik MAIPk menyelewengkan wang zakat.
(Foto hiasan)

Bufet Ramadan perlu sijil halal

Putrajaya: Mengiklan makanan halal dan boleh dimakan oleh orang Islam seperti Bufet, Iftar dan Set Ramadan tanpa memiliki Sijil Pengesahan Halal Malaysia (SPHM) adalah satu kesalahan di bawah Akta Perihal Dagangan 2011.

Ketua Pengarah Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), Datuk Hakimah Mohd Yusoff, berkata sehubungan itu, pihak yang berhasrat menyediakan perkhidmatan juadah sempena Ramadan akan datang disarankan supaya memiliki SPHM.

Beliau berkata, pengusaha yang merancang menyediakan perkhidmatan Bufet Ramadan namun belum mempunyai SPHM dinasihat untuk membuat permohonan secepat mungkin sama ada di JAKIM atau jabatan mahu pun Majlis Agama Islam negeri.

"JAKIM bersedia untuk membantu pengusaha bagi mendapatkan SPHM," menurutnya dalam kenyataan, semalam.

Pertanyaan lanjut, hubungi Bahagian Pengurusan Halal JAKIM di talian 03-8892 5000 atau e-mel kepada pr_halal@islam.gov.my.

BERNAMA